

Hasil pelembap bibir semula jadi

Kuantan: Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya menghasilkan pelembap bibir menggunakan bahan semula jadi yang selamat digunakan orang ramai dan murah.

Dr Norashikin Mat Zain yang mempunyai kepakaran dalam bidang kejuruteraan kimia bioproses menghasilkan pelembap bibir jenama KINORA itu selepas melakukan penyelidikan selama tiga tahun dan ia sudah mendapat ketulusan Kementerian Kesihatan.

Ia dihasilkan menggunakan bahan premium seperti minyak zaitun, minyak almond, minyak marula, minyak peppermint, carouba wax, tocopherol dan vitamin E yang berfungsi melembapkan serta memelihara kulit.

Norashikin berkata, beliau

mendapat idea menghasilkan pelembap bibir selepas melihat kebanyakan kosmetik termasuk pelembap bibir dijual di negara ini dihasilkan menggunakan bahan kimia sintetik dan bahan pengawet yang tidak selamat untuk pengguna terutama wanita kerana mengganggu hormon badan.

Katanya, harga produk kosmetik dihasilkan mengguna-

“Saya mendapat geran RM25,000 daripada UMP untuk mengeluarkan kumpulan pertama produk itu Dr Norashikin”



DR Norashikin (dua dari kanan) bersama rakan menunjukkan produk KINORA

kan bahan semula jadi juga dijual mahal yang menjadi penghalang pembeli selain kandungan bahan serta status halalnya turut ditargetkan terutama yang di-

hasilkan di rumah sebelum dijual menerusi media sosial.

“Jadi saya buat penyelidikan dan mendapat formula untuk menghasilkan pelembap bibir diperbuat daripada bahan semula jadi, bagi tujuan itu saya mendapat geran RM25,000 daripada UMP untuk membangunkan kumpulan pertama produk itu.

“Saya menghasilkannya di kilang bertaraf kilang Amalan Pengilangan Baik (GMF), jadi sudah tentu dari segi kebersihan serta kualiti produk berkenaan terjamin berbanding produk dibuat sendiri di rumah,” katanya dilempu NSTP di UMP Kampus Gambang di sini, semalam.

Beliau berkata, daripada segi harga, KINORA dijual pada harga RM40 lebih murah berbanding pelembap bibir dihasilkan menggunakan bahan semulajadi lain sekitar RM80 ke atas.

“Saya kini sedang mengurus sijil halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JA-

KIM) yang dijangka menyerahkannya bulan depan, ia memberikan satu nilai tambah dan keyakinan kepada pengguna yang mahu mencari pelembap bibir halal,” katanya.

Norashikin berkata, pada masa kini ia hanya dijual dalam skala kecil berikutan pengeluarannya adalah terhad dan beliau merancang mendapatkan dana lebih besarnya produk itu, dikecualikan dalam jumlah lebih banyak.

“Maklum balas daripada pembeli adalah baik dan ia dapat merawat bibir merekah, sekarang ini ia hanya boleh digunakan kaum wanita dan kita merancang menaik tarafnya supaya boleh digunakan lelaki serta kanak-kanak.

“Selain pasaran tempatan, saya juga merancang memasarkannya ke luar negara seperti Brunei dan Singapura menggunakan syarikat ditubuhkan, Medieva Sdn Bhd bagi memenuhi permintaan kosmetik, halal peringkat antarabangsa,” katanya.

